



ANTARA koleksi karya Amerika yang diserahkan kepada UMS.

UMS terima 100 buah karya sastera Amerika

HJ2-12-13 B5

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima sumbangan sebanyak 100 buku sastera koleksi 'Library of America Series' daripada Kedutaan Amerika Syarikat.

Bukuterabitmerangkumi sajak, novel, eseи, drama dan juga hasil karya penulis terbaik di Amerika.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof Madya Datuk Dr Kassim Md Mansur berkata sumbangan

itu akan membantu UMS memperluaskan lagi skop dan kepelbagaiannya koleksi buku di universiti.

"Setakat ini UMS memiliki koleksi buku sekitar 420,500 yang diletakkan di tiga perpustakaan kampus universiti iaitu Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan.

"Pemberian buku oleh kedutaan Amerika adalah salah satu permulaan kolaborasi antara Amerika dan Malaysia khususnya

Sabah untuk mewujudkan hubungan baik," katanya pada majlis penyerahan buku koleksi Siri Amerika sempena lawatan Duta Besar Amerika ke UMS, di sini kelmarin.

Beliau juga berharap kedutaan terbabit akan mengadakan kolaborasi bersama UMS dalam pelbagai aktiviti atau program termasuk pembelajaran bahasa Inggeris pada masa hadapan.

"UMS kini giat dalam program pertukaran pelajar dan kita berharap Sabah akan menjadi destinasi pilihan bagi program musim panas oleh pelajar Amerika.

"Kita juga akan mencari usaha untuk menyediakan segala kemudahan serta penyusunan jadual bagi memudahkan perancangan pelajar Amerika menghabiskan program musim panas di universiti ini," katanya.

Turut hadir Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia, Joseph Y Yun dan isterinya Dr Melanie Billings Yun, Timbalan Ketua Perpustakaan Kanan UMS, Zawawi Tiyunin dan tetamu kehormat yang lain.



JOSEPH (dua kiri) menyerahkan buku kepada Zawawi sebagai simbolik penyerahan 100 buah buku sastera karya Amerika. Turut kelihatan Kassim (dua kanan) dan Melanie (kiri).